

SH 20/1/2019 M/S 16

Harga ikan Sungai Pahang naik sehingga 40 peratus

KUANTAN - Sebanyak 17 spesies utama ikan di Sungai Pahang mengalami peningkatan harga 10 hingga 40 peratus.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Azahari Othman berkata, peningkatan itu disebabkan permintaan tinggi daripada masyarakat, selain kesukaran untuk mendapatkan spesies ikan terbabit masa ini.

Menurutnya, mengikut harga jualan ikan air tawar oleh nelayan darat di negeri ini kini ialah RM10 hingga RM350 sekilogram.

"Kalau

ikutkan harga ikan sungai seperti ikan patin muncung, kelah merah, kelah putih dan patin buah kini berada disenarai tertinggi harga iaitu RM125 hingga RM350, dalam kes tertentu harganya boleh meningkat kepada RM450.

"Tetapi, harga ikan Sungai Pahang tidak sama di beberapa daerah seperti Jerantut, Lipis dan Temerloh. Harga diperingkat nelayan darat dan pemborong juga berbeza," katanya ketika mengulas tular harga ikan di media sosial, semalam.

Harga spesis ikan Sungai Pahang yang tular itu dikatakan terlalu tinggi berbanding yang dijual nelayan darat di negeri ini.

Harga tertinggi yang disenarai-


**HARGA IKAN (kg)
MENINGKAT
10% hingga 40%**

Kelah merah - **RM583**

Kelah putih, patin
muncung - **RM339.20**

Patin buah - **RM127.20**

Tenggalan, keraiuning - **RM106**



kan ialah kelah merah iaitu RM583, diikuti kelah putih dan patin muncung RM339.20, patin buah RM127.20, tenggalan serta keraiuning RM106.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Azahari berkata, jabatannya

tidak mempunyai kuasa untuk mengawal paras harga ikan.

Tambahnya, walaupun ada desakan beberapa pihak, namun jabatannya akur tidak dapat menentukan harga siling terbabit.

"Kita ambil kira banyak faktor termasuk musim tengkujuh dan kemarau juga mempengaruhi harga semasa ikan.

"Pada musim kemarau air sungai surut dan cetek memberi peluang kepada nelayan darat menangkap lebih banyak ikan," katanya.

Beliau berkata, pegawai pejabat perikanan daerah sentiasa memantau aktiviti nelayan darat termasuk hasil tangkapan mereka dari semasa ke semasa.



AZAHARI